



دولي يڭ مها موليا
قدوك سري سلطان قيراق دار الرضوان
سلطان نزرين معزالدين شاه
ابن
المرحوم سلطان ازلىن محب الدين شاه المغفور له
بركنن ميمفورناكن

مجلس قلنچرن
زكاة قيراق الرضوان
مجلس اكام اسلام دان عادت ملايو قيراق



هاري خميس، 26 جون 2025م
برسامان 29 ذوالحجة 1446هـ، 8.45 فاكلي
باغونن زكاة قيراق الرضوان



DAULAT
TUANKU





“Langkah untuk mempertahankan kemurnian, kesucian serta keagungan syiar Islam adalah amanah serta tanggungjawab besar yang wajib disempurnakan dengan sebaik-baik mungkin dan tidak boleh dikompromikan. Tanggungjawab tersebut hendaklah disempurnakan secara bijaksana lagi bestari, baik dalam bentuk kata yang diungkapkan mahupun melalui tindak-tanduk yang dilakukan oleh umat Islam, lebih-lebih lagi oleh institusi yang diamanahkan dengan urusan hal ehwal Islam.”

Titah ini dizahirkan semasa Persidangan Ke-187
Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak,
pada 12 Jun 2014 (Khamis) di Dewan Persidangan,
Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh.





**DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
IBNI**

ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.M.N., D.K. (KELANTAN), D.K. (SELANGOR), D.K.N.S., D.K. (PERLIS),
D.K. (KEDAH), D.K. 1 (JOHOR), D.K. (PAHANG), PhD (HARVARD).

SULTAN, YANG DI-PERTUAN DAN RAJA PEMERINTAH NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

SEKAPUR SIRIH

YANG DIPERTUA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), ketika mencapai 78 tahun usia penubuhannya (menurut perkiraan tahun Hijri), pada ambang tahun Hijrah 1447, berjaya melaksanakan satu penghijrahan, merealisasikan pewujudan sebuah anak syarikat milik penuh MAIPk, iaitu Zakat Perak Al Ridzuan (ZAPAR) yang diamanahkan tanggungjawab mengurus kutipan zakat dan wakaf.

Usaha menubuhkan ZAPAR dirintis sebaik mendapat titah perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, susulan perakuan Persidangan MAIPk kali ke-227 yang berlangsung pada 30 Jamadilakhir 1445H (12 Januari 2024). Pewujudan ZAPAR merupakan satu penghijrahan yang dirintis oleh MAIPk untuk memperkenalkan tadbir urus yang lebih dinamik dan menambah baik tata kelola urusan kutipan zakat dan wakaf agar lebih cekap, pantas, telus dan bertanggungjawab (*accountable*). ZAPAR insya-Allah akan mengamalkan budaya dan etika kerja yang dapat mengangkat imej MAIPk diiktiraf sebagai sebuah institusi Islam yang dinamik dan semasa, bergerak seiring dengan arus kemajuan digital dan teknologi.

Semoga penubuhan ZAPAR dapat memberikan manfaat yang bermakna kepada para pembayar zakat (*muzakki*) dan asnaf. Semoga permulaan sebuah penghijrahan yang dirintis oleh MAIPk diberikan petunjuk dan barakah di sisi Allah Azzawajalla.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

TAN SRI DATO' SERI MOHD. ANNUAR ZAINI

YANG DIPERTUA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

29 ZULHIJAH 1446H / 26 JUN 2025



PERUTUSAN

PENGERUSI ZAKAT PERAK AL RIDZUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Dengan penuh rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT, atas limpah rahmat dan izin-Nya, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) berjaya melakar sejarah baharu melalui pelancaran Zakat Perak Al Ridzuan (ZAPAR), bagi memacu pengurusan kutipan zakat ke arah lebih profesional, telus dan moden.

Patik mewakili seluruh warga pengurusan dan pentadbiran ZAPAR menjunjung kasih yang tidak terhingga atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, yang berkenan menyempurnakan pelancaran bersejarah ini.

ZAPAR menggariskan tiga teras utama dalam operasinya:

1. Tadbir urus strategik dan telus yang berlandaskan syariah dan prinsip-prinsip akauntabiliti moden;
2. Pembudayaan korporat dalam kalangan warga kerja yang komited dan integriti tinggi; dan
3. Pendigitalan menyeluruh agar perkhidmatan zakat sentiasa pantas, efisien dan relevan dengan kehendak zaman.

Akhir kalam, marilah kita bersatu hati menyokong dan mendoakan agar ZAPAR menjadi institusi contoh yang menjulang maqasid syariah dan memperkasa kesejahteraan ummah bagi negeri Perak Darul Ridzuan. Semoga Allah SWT terus memberkati usaha ini dan mengurniakan kejayaan yang berkekalan.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَةُ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

PROFESOR DATO' DR. ANSARY BIN AHMED

PENGERUSI

LEMBAGA PENGARAH ZAKAT PERAK AL RIDZUAN (ZAPAR)

29 ZULHIJAH 1446H / 26 JUN 2025

SUSUNAN ACARA

MAJLIS PELANCARAN ZAKAT PERAK AL RIDZUAN

- 8.45 pagi : Ketibaan tetamu
- 9.10 pagi : Ketibaan YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan
- 9.15 pagi : Keberangkatan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
- : Lagu Kebesaran Negeri Perak
 - : Bacaan ayat suci al-Quran dan doa
 - : Titah perasmian
 - : Gimik perasmian dan menandatangani plak
 - : Tayangan montaj
 - : Lagu Kebesaran Negeri Perak
 - : Tinjauan pejabat Zakat Perak Al Ridzuan (ZAPAR)
 - i) Reruai pameran
 - ii) Menandatangani buku lawatan
 - iii) Serahan zakat
 - iv) Sesi bergambar
- 10.45 pagi : DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan berangkat meninggalkan majlis
- : YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan meninggalkan majlis
 - : Majlis bersurai

AHLI LEMBAGA PENGARAH ZAKAT PERAK AL RIDZUAN



PENGERUSI

PROFESOR DATO' DR. ANSARY BIN AHMED
Pengerusi Lembaga Pengarah Zakat Perak Al Ridzuan



PROFESOR MADYA DR. MOHAMED FAIROOZ BIN ABDUL KHIR
Ahli Lembaga Pengarah Zakat Perak Al Ridzuan



SYAMSUL HAZEMAN BIN MD SALLEH
Ahli Lembaga Pengarah Zakat Perak Al Ridzuan



WAN MAIZURA BINTI WAN ZAHARI
Ahli Lembaga Pengarah Zakat Perak Al Ridzuan



SAHIBUS SAMAAH AHMAD FAUWAZ BIN FADZIL NOOR
Ahli Lembaga Pengarah Zakat Perak Al Ridzuan



DR. ROSZY BINTI NON
Ahli Lembaga Pengarah Zakat Perak Al Ridzuan



ABDUL KHUDUS BIN MOHD NAAIM
Ahli Lembaga Pengarah Zakat Perak Al Ridzuan

PENGURUSAN ZAKAT PERAK AL RIDZUAN





1) AHMAD NAZIM BIN MD TAJURI

Pengurus Besar
Zakat Perak Al Ridzuan

2) ZALEHA BINTI WAN DIN

Pengurus Kanan (P)*
Pengurusan dan Pentadbiran

3) ZULFADLI BIN BAHARUM

Pengurus Kanan (P)*
Strategik dan Pendigitalan

4) MUHAMMAD FAUZAN BIN ABDUL RAHIM

Pengurus (P)*
Bahagian Operasi Kutipan


5) MOHD AZRIF BIN YAHYA

Pengurus (P)*
Bahagian Pendigitalan

*(P) adalah jawatan pemangkuan


CARTA ORGANISASI

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK





CARTA ORGANISASI ZAKAT PERAK AL RIDZUAN



NOTA :

1. Zon Tengah : HQ (ZAPAR), Ipoh (KIDR), Batu Gajah
2. Zon Timur : Kuala Kangsar, Lenggong, Gerik, Pengkalan Hulu
3. Zon Barat : Seri Iskandar, Kg. Gajah, Manjung, Bagan Datuk
4. Zon Selatan : Tapah, Kampar, Teluk Intan, Muallim
5. Zon Utara : Taiping, Selama, Parit Buntar, Bagan Serai

CITRA LOGO

VISI DAN MISI

ELEMEN WARGA KERJA

Bulan sabit simbolik kepada komitmen warga kerja Zakat Perak Al Ridzuan agar sentiasa mendokong dan bersedia melakukan transformasi yang relevan mengikut arus perubahan semasa.

ELEMEN PEMILIKAN SYARIKAT

Rekaan mengikut logo Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dengan maksud membawa identiti syarikat milikan penuh MAIPk.

زكاة فیراق

JENIS KHAT: KHAT KUFUI

Perkataan khat jawi dimasukkan bagi melambangkan iltizam Zakat Perak Al Ridzuan untuk terus memartabatkan agama Islam, adat Melayu dan melestarikan rukun zakat.



ELEMEN "PAYUNG" SYARIKAT

Tiga titik melambangkan entiti yang bernaung di bawah payung pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Ia juga manifestasi kepada tiga tonggak pemerintahan beraja di negeri Perak Darul Ridzuan iaitu Sultan, Raja Muda dan Raja DiHilir.

ELEMEN PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI ISLAM

Elemen bunga padi melambangkan kemakmuran negeri dan MAIPk serta Zakat Perak Al Ridzuan yang progresif serta dinamik dalam memelihara kesejahteraan ummah berlandaskan prinsip maqasid syariah.

TEMA WARNA



Putih membawa maksud kesucian, integriti dan akauntabiliti syarikat.



Kuning melambangkan inovasi dan produktiviti dalam mendorong transformasi penyampaian sejajar dengan arus perkembangan zaman.



Hitam membawa maksud keteguhan iaitu berdaya maju dan berdaya saing yang berterusan dalam merealisasikan visi dan misi syarikat.

VISI

Menjadi sebuah pusat kutipan zakat yang profesional dan cekap dalam meningkatkan kutipan zakat di negeri Perak Darul Ridzuan.

MISI

- Mengukuhkan tadbir urus dan meningkatkan keterlihatan untuk menjadi pusat kutipan zakat yang dipercayai.
- Melaksanakan kaedah kutipan yang cekap dan mesra pengguna.
- Meningkatkan jalinan kerjasama dan kolaborasi dengan pihak berkaitan bagi memaksimumkan keberkesanan kutipan zakat.



LAGU KEBESARAN NEGERI PERAK



*Dilanjutkan Allah usianya Sultan
Adil dan murah memerintah watan
Ditaati rakyat kiri dan kanan
Iman yang soleh Allah kurniakan
Allah berkati Perak Ridzuan
Allah selamatkan negeri dan Sultan*

7 WASIAT



Pada tarikh 5 Ogos 1957, Duli-Duli Yang Maha Mulia sembilan Raja Melayu sebagai Raja Pemerintah dari empat “Negeri Melayu Bersekutu” dan lima “Negeri Melayu Tidak Bersekutu” telah memberikan perkenan menurunkan tandatangan persetujuan kepada pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dengan memahat Tujuh Wasiat Raja-Raja Melayu yang berbunyi:

“Kami wasiatkan kepada zuriat keturunan kami tujuh perkara yang mana jika kamu bersatu padu dan berpegang teguh kepadanya selama itulah kamu akan aman dan damai dan selamat sejahtera”

TUJUH PERKARA ITU ADALAH:

PERTAMA:

Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung PERSEKUTUAN TANAH MELAYU (sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA).

KEDUA:

Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.

KETIGA:

Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.

KEEMPAT:

Kami kekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini.

KELIMA:

Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan.

KEENAM:

Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU.

KETUJUH:

Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).

Wasiat ini dihasilkan atas kehendak Raja-Raja Melayu untuk mengekalkan kesinambungan sejarah, kedaulatan dan kuasa politik Melayu (yang terletak pada Raja-Raja Melayu) kepada kesinambungan kedaulatan negara yang terletak kepada Raja-Raja Melayu serta mendapat penerimaan rakyat (*consensus*) melalui wakil-wakil sah yang mempunyai *locus standi*, maka Perlembagaan Persekutuan mempunyai fasal-fasal tertentu.

Fasal-fasal tersebut adalah Perkara 3 (1), (2), (3) dan (5); Perkara 11, Perkara 12, Perkara 38 (5); Perkara 152, Perkara 153 dan Perkara 181 (1). Fasal-fasal ini memerlukan izin Majlis-Majlis Raja-Raja Melayu untuk sebarang pindaan perlembagaan Parlimen dibenarkan berkuat kuasa.

